



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

*Office of Director-General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8,*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E,*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

*Tel: 03-8884 6077*

*Fax: 03-8889 4548*

*Laman web: <http://www.moe.gov.my>.*

**“ 1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN ”**

KP/KPPM/5 (SS)

26 Ogos 2010

**Semua Pengarah Pelajaran Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

**INSTITUSI SEKOLAH SEBAGAI TEMPAT MENGUKUHKAN PERPADUAN KAUM**

Kementerian Pelajaran Malaysia amat memandang serius akan terdapatnya segolongan kecil warga sekolah yang dikatakan mengeluarkan kenyataan yang berbaaur perkauman serta tidak sensitif kepada usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan sekolah sebagai tapak untuk menyemai Semangat 1Malaysia.


2. Sekiranya wujud serta ada kebenaran akan perkara seperti ini berlaku, Kementerian tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana warga pendidikan sama ada Pengetua, Guru Besar, Guru-Guru serta kakitangan sekolah, yang mempunyai sikap rasis sama ada dengan menggunakan kata-kata, perbuatan atau penulisan. Tindakan tegas akan diambil jika terbukti kesalahan mereka. Ini selaras dengan peringatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran supaya tindakan tegas harus diambil terhadap sebarang perbuatan yang boleh mencetuskan sentimen perkauman agar ia tidak menimbulkan natijah yang buruk.

3. Sekolah adalah merupakan tempat untuk mengukuhkan perpaduan kaum, justeru, saya menyeru serta mengingatkan semua warga sekolah supaya sentiasa berhemah semasa kita melaksanakan tugas, dan sentiasa sensitif kepada hasrat Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan kaum di negara ini sesuai dengan Konsep 1Malaysia.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

  
**TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin  
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia